

21/05/2002

Singapura diminta kecualikan isu CPF

KUALA LUMPUR, Isnin - Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC) meminta Singapura mengasingkan isu pengeluaran caruman pekerja negara ini dalam Kumpulan Wang Simpanan Pusat Singapura (CPF) daripada pakej penyelesaian hubungan dua hala republik itu dengan Malaysia.

Presidennya, Senator Datuk Zainal Rampak, ia bagi membolehkan penyelesaian segera isu itu berbanding jika dibincangkan bersama pakej berkenaan.

"Oleh kerana mesyuarat mencari penyelesaian menyeluruh hubungan dua hala kedua-dua negara terlalu lambat dan hanya diadakan pada Julai ini, sudah tentu masa lebih lama diperlukan bagi mencapai persetujuan.

"Dengan mengambil kira keadaan itu, kami meminta kerajaan Singapura mengasingkan isu CPF daripada pakej rundingan berkenaan agar ia diselesaikan secepat mungkin," katanya dalam satu kenyataan hari ini.

Zainal berkata, MTUC sudah menghantar memorandum kepada Menteri Kewangan Singapura selain mengadakan pertemuan dengan Pesuruhjaya Tinggi republik itu bagi menjelaskan kepentingan penyelesaian segera isu itu.

"Kami menerima banyak panggilan dan pertanyaan pekerja yang ingin tahu bila mereka boleh menerima wang CPF. Kebanyakan pekerja terbabit adalah mereka yang dibuang kerja ketika krisis ekonomi yang memerlukan wang simpanan untuk membeli rumah, memulakan perniagaan dan membayar rawatan kesihatan," katanya.

Selain itu, MTUC menggesa kerajaan menyelesaikan isu CPF melalui kerjasama erat dengan kerajaan Singapura agar ia diselesaikan secara baik.

Zainal mempertikaikan tindakan kerajaan republik itu enggan membenarkan pekerja semenanjung Malaysia mengeluarkan wang caruman CPF, sedangkan pekerja Sabah, Sarawak dan rakyat negara asing lain dibenarkan berbuat demikian.

"Ia adalah hak pekerja berkenaan apabila mereka meninggalkan republik itu. Singapura sepatutnya mengambil langkah tertentu daripada segi pindaan undang-undang untuk tidak menangguhkan isu ini lebih lama," katanya.

Isu pengeluaran caruman CPF pekerja semenanjung Malaysia menarik perhatian sejak tiga tahun lalu, terutama selepas berlaku krisis ekonomi 1998.

Pertemuan Menteri Kanan republik itu, Lee Kuan Yew dengan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di sini tahun lalu menyaksikan kedua-dua pemimpin bersetuju isu CPF dibincangkan sebagai sebahagian pakej menyeluruh membabitkan lima isu utama dalam hubungan dua hala masing-masing.

Antara perkara utama dibincangkan selain isu CPF termasuk pengambilan alih dan pembangunan tanah milik Keretapi Tanah Melayu (KTM) Berhad, status Pusat Kastam Imigresen dan Kuarantin (KIK) di Stesen Tanjung Pagar, penggunaan ruang udara Malaysia oleh Tentera Udara Singapura serta penjualan air dari Johor ke Singapura.

(END)